

INTERNATIONAL JOURNAL
OF LAW, GOVERNMENT
AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.gaexcellence.com/ijlgc



**TAHYUL DAN FENOMENA MISTIK DALAM WACANA
GENERASI Z MALAYSIA:
ANALISIS KONSEPTUAL BERASASKAN LITERATUR**

*SUPERSTITION AND MYSTICAL PHENOMENA IN THE DISCOURSE OF
MALAYSIA'S GENERATION Z:
A LITERATURE-BASED CONCEPTUAL ANALYSIS*

Mohamad Murad Mahyudin Muheji^{1*}

¹ Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCED), University of Malaya, Malaysia

 ufi240003@umcced.edu.my

 <https://orcid.org/0009-0004-8466-4425>

*Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 04.01.2026

Revised date: 19.01.2026

Accepted date: 26.04.2026

Published date: 10.06.2026

To cite this document:

Muheji, M. M. M. (2026). Tahyul Dan Fenomena Mistik Dalam Wacana Generasi Z Malaysia: Analisis Konseptual Berasaskan Literatur. *International Journal of Law, Government and Communication*, 11(44), 59-74.

Abstrak:

Gejala tahyul dan mistik masih wujud dalam masyarakat moden. Hal ini berlaku walaupun khalayak berhadapan dengan rasionalisasi, pendidikan formal dan kemajuan teknologi. Dalam konteks Malaysia, Generasi Z yang dibesarkan dalam persekitaran digital dan berbilang budaya berdepan persoalan dalam menilai naratif tahyul dan mistik dalam ruang sosio-agama semasa. Artikel ini bertujuan menyediakan analisis konseptual menyeluruh mengenai tahyul dan realiti mistik dalam kalangan Generasi Z Malaysia melalui pendekatan berasaskan literatur. Kajian ini tidak melibatkan pengumpulan data empirikal, sebaliknya menggunakan sumber terpilih yang merangkumi karya sarjana tempatan dan serantau dalam bidang akidah, sosiologi agama, kajian budaya serta teori generasi. Analisis literatur menumpukan pembentukan konsep tahyul dan mistik, hubungannya dengan akidah Islam serta pengaruh media digital, globalisasi dan pendidikan agama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemikiran tahyul dan trend mistik dalam kalangan Generasi Z Malaysia bersifat dinamik. Kupasan ini bergerak antara penolakan rasional, penyesuaian budaya dan penilaian semula berasaskan kefahaman agama. Selain itu, literatur menekankan bahawa pendedahan kepada media digital dan arus global mempengaruhi cara generasi muda menilai dan mengkritisi kepercayaan tradisional. Artikel ini menyumbang kepada pengayaan perspektif akademik dengan menyediakan kerangka konseptual yang boleh digunakan sebagai asas perbincangan lanjut mengenai hubungan antara budaya, agama dan generasi muda dalam komuniti Muslim

kontemporari di Malaysia. Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan kepentingan pendekatan analisis konseptual berasaskan literatur dalam memahami perkembangan sosio-agama yang kompleks khususnya apabila pengumpulan data empirikal tidak dijalankan atau tidak diperlukan.

DOI: 10.35631/IJLGC.1144004 **Kata Kunci:**

Analisis Konseptual, Gejala Mistik, Generasi Z, Naratif Sosio-Agama, Tahyul

Abstract:

Superstitious beliefs and mystical practices persist in modern societies despite increasing rationalisation, formal education and technological advancement. In Malaysia Generation Z, raised in a digital and multicultural environment, encounters growing exposure to narratives of superstition and mysticism within contemporary socio religious settings. This article presents a conceptual analysis of superstition and mystical discourse among Malaysian Generation Z based on selected scholarly literature. The study adopts a non-empirical approach, drawing on local and regional works in Islamic creed, sociology of religion, cultural studies and generational theory. The analysis examines the conceptual formation of superstition and mysticism, their relationship with Islamic creed, and the influence of digital media, globalisation and religious education. The findings indicate that superstitious and mystical orientations among Malaysian Generation Z are dynamic, shaped by rational rejection, cultural adaptation and religious re-evaluation. Existing literature further suggests that digital media and global influences significantly affect how young people interpret and critique traditional beliefs. This article contributes to scholarly discourse by proposing an integrative conceptual framework for analysing the interaction between culture, religion and youth in contemporary Muslim society. The study highlights the value of literature-based conceptual analysis in addressing complex socio-religious phenomena where empirical investigation is limited or unnecessary.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijlgc@gaexcllence.com

Keyword:

Conceptual Analysis, Generation Z, Mystical Phenomena, Socio-religious Discourse, Superstition

Pengenalan

Dalam era globalisasi dan kemajuan teknologi yang pesat, masyarakat moden sering dianggap semakin rasional dan saintifik (Giddens, 1991). Kepercayaan kepada tahyul dan realiti mistik pula sering dilihat sebagai peninggalan masa lalu yang tidak lagi relevan. Namun, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa gejala ini masih berterusan. Elemen-elemen irasional seperti

kepercayaan kepada hantu, jampi atau ramalan nasib terus bertahan dan berevolusi dalam pelbagai bentuk termasuk dalam kalangan generasi muda (Winstedt, 1925; Mohd Taib Osman, 1989). Di Malaysia, keadaan ini menjadi lebih kompleks kerana dipengaruhi oleh prinsip Islam sebagai agama majoriti di samping pengaruh Barat, media digital dan pendidikan formal. Generasi Z mewakili kelompok yang mempunyai ciri khas tersendiri memandangkan mereka dibesarkan dalam persekitaran digital yang membolehkan akses pantas kepada maklumat. Malah, kelompok ini sering terdedah kepada unsur mistik melalui platform digital seperti TikTok, Instagram dan forum dalam talian. Persoalan utama yang timbul ialah bagaimanakah perspektif tahyul dan kejadian mistik ini difahami serta dihadapi oleh Generasi Z Malaysia, terutama dalam ruang sosio-agama yang kontemporari.

Gejala tahyul telah lama menjadi sebahagian daripada warisan budaya masyarakat Melayu di Malaysia, yang kemudiannya berinteraksi dengan pengaruh Islam. Ia sering didefinisikan sebagai kepercayaan tidak rasional kepada kuasa ghaib yang boleh mempengaruhi kehidupan harian tanpa asas saintifik atau agama yang kukuh. Menurut Muhammad bin Abdul Wahhab (2006) dalam Kitab al-Tauhid, tahyul dan khurafat merupakan sebahagian daripada perbuatan yang boleh menjejaskan kemurnian tauhid seseorang. Sementara itu, realiti mistik merangkumi pengalaman atau peristiwa yang melibatkan elemen ghaib seperti mimpi, karamah atau interaksi dengan alam metafizik yang kadangkala boleh diselaraskan dengan ajaran sufi atau tradisi Islam. Di Malaysia, kedua-dua elemen ini sering bercampur dengan amalan budaya seperti bomoh, pawang dan kepercayaan kepada makhluk halus seperti pontianak. Unsur ini diwarisi daripada tradisi pra-Islam serta dipengaruhi Hindu-Buddha dan animisme. Kajian awal oleh Winstedt (1925) dalam *Shaman, Saiva and Sufi* menggambarkan bagaimana tahyul menjadi alat adaptasi sosial dalam komuniti tradisional, manakala Shamsul (2007) dalam modul hubungan etnik menekankan bagaimana elemen-elemen ini berevolusi dalam kelompok moden.

Kemunculan Generasi Z menambah dimensi baharu kepada bidang perbincangan ini. Sebagai generasi digital, generasi ini terdedah kepada naratif global melalui media sosial dengan aspek-aspek mistik yang sering dipromosikan sebagai kandungan hiburan atau naratif seram digital (*creepypasta*) yang tular. Laporan Pew Research Center (2019) menunjukkan generasi muda semakin menilai tradisi lama melalui lensa identiti, pendidikan dan media digital. Di Malaysia, pengaruh pendidikan agama formal melalui kurikulum sekolah dan institusi seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia turut membentuk perspektif generasi ini, dengan tahyul sering dikritik sebagai penyimpangan daripada akidah sunnah. Walau bagaimanapun, generasi muda cenderung menafsirkan semula unsur tradisional dan kepercayaan lama melalui lensa moden, termasuk dengan melihat sebahagiannya sebagai hiburan atau pengalaman psikologi semata-mata (Hoffstaedter, 2011; McGuire, 2002). Kajian ini penting bagi memahami dinamika antara tradisi dan modeniti dalam kelompok Muslim kontemporari. Analisis terhadap cara Generasi Z mencerna isu tahyul berupaya memberi impak besar kepada pendidikan agama, dasar kebudayaan serta pengurangan pengaruh kepercayaan khurafat dalam mendepani arus sekularisme. Dalam persekitaran Malaysia yang multietnik, gejala ini juga mampu mempengaruhi keharmonian sosial, selaras dengan perbincangan tentang identiti nasional dan hubungan etnik di Malaysia (Shamsul, 2007; Abdul Rahman Embong, 2000). Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menganalisis naratif tahyul dan unsur mistik dalam kalangan Generasi Z Malaysia melalui pendekatan konseptual berasaskan literatur. Kajian ini menyumbang dengan membina kerangka konseptual yang menghubungkan budaya, akidah dan pengalaman digital Generasi Z di Malaysia.

Pernyataan Masalah

Komuniti Melayu-Islam di Malaysia secara tradisinya mengamalkan kepercayaan terhadap unsur ghaib dan pantang larang sebagai warisan budaya. Meskipun arus pendidikan formal dan globalisasi meningkatkan rasionaliti dalam kelompok moden, kajian empirikal oleh Gumulya dan Helmi (2016) membuktikan bahawa unsur tahyul terus bertahan dalam kalangan pelajar universiti sebagai mekanisme psikologi bagi menghadapi ketidakpastian. Malah, adaptasi kepercayaan ini turut dilihat menerusi populariti kandungan mistik yang tular di media sosial, menandakan ia masih relevan dalam ruang lingkup kontemporari. Kajian terdahulu lazimnya berfokus pada golongan tradisional. Namun, kajian tersebut kurang meneliti interpretasi Generasi Z yang dibesarkan dalam persekitaran digital dan mudah mengakses pelbagai naratif termasuk unsur khurafat. Walaupun pendidikan agama cuba mengukuhkan akidah, kesan interaksi antara elemen digital dan tradisi terhadap naratif mistik masih belum diteroka secara mendalam. Jurang tersebut menuntut penjelasan lanjut tentang kaedah Generasi Z menyeimbangkan kepercayaan ini di tengah-tengah arus permodenan dan kepelbagaian budaya di Malaysia.

Terdapat tiga jurang utama dalam literatur sedia ada. Kajian klasik seperti Winstedt (1925) dan Mohd Taib Osman (1989) hanya memfokuskan komuniti tradisional tanpa mempertimbangkan pengaruh teknologi digital. Kajian terkini mengenai Generasi Z Malaysia pula seperti Manap et al. (2021) tidak meneliti secara khusus hubungan antara algoritma media sosial dan pembentukan kepercayaan tahyul. Di peringkat antarabangsa, kajian Gumulya dan Helmi (2016), Lundmark (2007) serta Heelas dan Woodhead (2005) tidak menyentuh dimensi akidah Islam yang menjadi tunjang masyarakat Muslim Malaysia. Kesimpulannya, tiada kajian yang menggabungkan secara serentak gejala tahyul, profil Generasi Z digital dan konteks sosio-agama Malaysia. Justeru, penyelidikan ini penting untuk mengisi jurang tersebut serta menyokong pembangunan literasi kritikal dan pendidikan agama yang relevan dengan realiti digital generasi muda.

Objektif Kajian

- Mensintesis konsep tahyul dan gejala mistik berdasarkan literatur Islam serta kajian budaya di Malaysia dan Nusantara.
- Menganalisis hubungan antara naratif tahyul, realiti mistik dan prinsip akidah Islam dalam ruang lingkup masyarakat Muslim kontemporari.
- Meneliti perubahan perspektif tahyul dan kejadian mistik dalam kalangan Generasi Z Malaysia akibat pengaruh media digital, globalisasi dan pendidikan agama formal.

Kepentingan dan Sumbangan Kajian

Kajian ini penting kerana menyumbang kepada pemahaman tentang dinamika antara tradisi dan modeniti dalam kelompok Muslim kontemporari. Analisis terhadap cara Generasi Z mencerna isu tahyul berupaya memberi impak besar kepada pendidikan agama, dasar kebudayaan serta strategi pencegahan ekstremisme berasaskan khurafat. Dalam persekitaran Malaysia yang multietnik, gejala ini juga mampu mempengaruhi keharmonian sosial, selaras dengan perbincangan mengenai hubungan etnik dan identiti nasional di Malaysia (Shamsul, 2007; Abdul Rahman Embong, 2000).

Dari sudut akademik, penyelidikan ini mengisi jurang literatur dengan mengintegrasikan dimensi digital ke dalam perbincangan akidah dan budaya. Kebanyakan penulisan terdahulu hanya berfokus kepada golongan tradisional dalam ruang lingkup luar bandar. Oleh itu, sumbangan utama kajian ini terletak pada kerangka baharu yang menghubungkan teknologi media sosial dengan evolusi kepercayaan mistik.

Kerangka ini boleh dimanfaatkan oleh pembuat dasar serta pendidik untuk merangka program kesedaran agama yang lebih relevan dengan jiwa angkatan muda melalui pendekatan naratif balas (counter-narrative) di alam maya. Selain itu, kajian ini membantu institusi keagamaan dalam mengenal pasti bentuk penyelewengan akidah yang telah meresap ke dalam platform digital. Dengan memahami cara penduduk muda menilai semula kepercayaan mereka, langkah penambahbaikan yang lebih berkesan dapat diambil bagi memelihara kemurnian tauhid. Secara keseluruhannya, usaha ini bukan sekadar catatan sejarah budaya, malah berfungsi sebagai asas kepada pengukuhan jati diri nasional dalam mendepani arus sekularisme serta keinginan kebendaan yang melampau.

Sorotan Kajian Lepas

Definisi dan Klasifikasi Tahyul serta Fenomena Mistik.

Tahyul merujuk kepada kepercayaan terhadap aspek supranatural yang tidak berasaskan bukti saintifik atau dalil agama sahih. Amalan ini dipercayai mampu mempengaruhi nasib serta peristiwa penting dalam kehidupan manusia. Dalam Islam, kecenderungan tersebut sering dikaitkan dengan unsur khurafat atau syirik kecil apabila seseorang meletakkan pergantungan mutlak kepada selain Allah. Abu Hamid al-Ghazali dalam *Ihya' 'Ulum al-Din* menekankan kepentingan pemurnian tauhid serta menjauhi keyakinan terhadap objek atau amalan yang dianggap mempunyai kuasa sendiri tanpa izin Allah (al-Ghazali, 2005). Dalam komuniti Melayu-Malaysia, tahyul berkembang hasil interaksi sejarah antara kepercayaan purba, pengaruh luar dan adat setempat. Mohd Fauzi Hamat (2014) menegaskan bahawa amalan ini merupakan penyimpangan daripada prinsip tauhid, terutamanya apabila sesuatu ritual dianggap memiliki kuasa autonomi. Mohd Taib Osman (1989) sebagai rujukan autoriti budaya mengelompokkan amalan tersebut kepada kategori harian seperti pantang larang serta kategori upacara yang melibatkan ritual perubatan tradisional. Pengelasan ini membantu menjelaskan struktur kepercayaan dalam komuniti Melayu. Klasifikasi ini membuktikan bahawa tahyul berfungsi sebagai mekanisme sosial untuk mengurus ketidakpastian dalam kehidupan seharian. Dari sudut psikologi, ritual simbolik ini berperanan mengurangkan kebimbangan dengan memberikan ilusi kawalan kepada individu. Dalam era digital, kepercayaan tersebut berkembang ke bentuk baharu seperti naratif mistik moden yang menyebar luas melalui media sosial serta mempengaruhi dinamika budaya kelompok kontemporari.

Kejadian misteri atau mistik pula melibatkan pengalaman rohani yang menghubungkan individu secara langsung dengan hakikat spiritual. Pengalaman ini dianggap sah dalam tradisi tasawuf Islam selagi berpandukan al-Quran, Sunnah dan prinsip tauhid. Nasr (2007) mentakrifkan dimensi mistik sebagai perjalanan rohani yang melampaui rasional intelektual. Di Malaysia, aspek mistik sering bercampur dengan tradisi tempatan yang mewujudkan perbezaan antara amalan selari syariat dan mistik sinkretik. Kajian Hoffstaedter (2011) menunjukkan bahawa elemen mistik berfungsi sebagai medium penyesuaian antara tradisi dan kehidupan moden dalam mendepani arus globalisasi. Proses pemodenan ini berkait rapat dengan rasionalisasi, iaitu peralihan pemikiran daripada landasan mitos kepada hujah

berdasarkan logik serta bukti empirikal. Rasionalisasi sering dilihat sebagai agen yang meminggirkan unsur ghaib daripada ruang awam. Walau bagaimanapun, dalam persekitaran Malaysia, proses tersebut tidak memadamkan kepercayaan tradisional sepenuhnya. Sebaliknya, ia mendorong penyesuaian naratif ghaib ke dalam bentuk yang lebih sistematik dan kontemporari (Abdul Rahman Embong, 2000). Transformasi ini paling ketara dalam profil Generasi Z, iaitu angkatan manusia yang lahir antara tahun 1997 hingga 2012 (Pew Research Center, 2019). Sebagai kelompok digital, mereka mempunyai akses tanpa had kepada maklumat global yang membentuk cara mereka memahami isu mistik. Interaksi erat dengan platform digital mendedahkan golongan muda kepada pertembungan antara naratif agama dan unsur khurafat moden. Justeru, pendefinisian istilah ini amat perlu bagi meneliti bagaimana teknologi dan warisan budaya bergabung dalam membentuk identiti mereka pada masa kini.

Budaya

Penyelidikan mengenai tahyul dan elemen mistik dalam ruang lingkup budaya Malaysia sering menekankan akar tradisi penduduk Melayu. Akar ini terbentuk melalui interaksi antara animisme pra-Islam, pengaruh Hindu-Buddha dan Islam. Norazit Selat (1994) menjelaskan bahawa unsur animisme merupakan sebahagian daripada lapisan awal sistem kepercayaan masyarakat Melayu yang mempengaruhi tafsiran terhadap alam ghaib, semangat dan hubungan manusia dengan persekitaran, sekali gus menjadikan kepercayaan tradisional sebagai sebahagian daripada sistem budaya warisan yang masih bertahan hingga kini. Kepercayaan tersebut sering diselaraskan dengan ajaran Islam tanpa konflik ketara serta berfungsi sebagai panduan tingkah laku sosial dalam komuniti seperti kaum Bajau. Pandangan ini disokong oleh Abdul Rahman Embong (2000) dalam Negara Bangsa: Proses dan Perbahasan. Beliau menghujahkan bahawa pemodenan tidak menghapuskan kepercayaan tradisional sepenuhnya. Sebaliknya, proses tersebut mendorong penyesuaian dalam bentuk simbol dan naratif baharu sebagai sebahagian daripada identiti nasional. Secara keseluruhannya, kajian-kajian ini menunjukkan bahawa tahyul terus bertahan sebagai memori kolektif serta komponen identiti budaya dalam kelompok moden yang sedang membangun.

Agama dan Akidah

Dalam bidang akidah Islam, tahyul sering diklasifikasikan sebagai khurafat yang boleh menjejaskan kemurnian tauhid. Mohd Fauzi Hamat (2014) dalam Pemikiran Akidah Islam Di Malaysia: Isu Dan Cabaran menegaskan bahawa kekeliruan antara adat dan ajaran agama menjadi faktor utama kelangsungan amalan tersebut dalam komuniti Muslim. Beliau turut mencontohkan bagaimana pengaruh media seperti filem, mampu memberi kesan kepada keimanan. Sementara itu, Wan Mohd Nor Wan Daud (2013) dalam Budaya Ilmu: Makna Dan Manifestasi Dalam Sejarah Dan Masa Kini menekankan kepentingan membina budaya ilmu bagi membezakan antara pengalaman rohani yang diiktiraf syarak dengan kepercayaan ghaib yang bersifat spekulatif. Perbincangan ini menggambarkan pendekatan normatif untuk membetulkan kefahaman golongan awam terhadap batasan akidah. Namun, penelitian ini masih kurang mendalam dalam meneliti cara angkatan muda menafsirkan isu tersebut dalam kehidupan harian.

Dunia Digital

Perkembangan teknologi digital telah mengubah penyebaran dan pemahaman terhadap tahyul serta kejadian mistik. Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2020) dalam Maqasid Syariah Dalam

Menghadapi Cabaran Media Baharu membincangkan cabaran media sosial dalam menyebarkan kandungan berunsur khurafat yang sering dibungkus sebagai hiburan atau motivasi spiritual sambil menekankan maqasid syariah sebagai panduan menghadapi isu ini. Kajian oleh Norshahril Saat dan Putra (2021) menunjukkan bahawa platform digital membolehkan naratif mistik tersebar tanpa tapisan autoriti agama. Muslim Asia Tenggara menggunakan ruang dalam talian yang menghapuskan sempadan antara hiburan, pengetahuan dan kepercayaan. Dalam konteks ini, kepercayaan ghaib tidak lagi bergantung kepada tradisi lisan semata-mata tetapi dipengaruhi oleh algoritma media sosial yang mempromosikan kandungan tanpa pengawasan.

Perundangan

Dari sudut perundangan Islam dan pentadbiran agama di Malaysia, tahyul sering dikaitkan dengan isu penguatkuasaan dan autoriti keagamaan. Undang-undang syariah negeri memberikan kuasa kepada pihak berkuasa agama untuk menangani amalan khurafat yang menyeleweng sebagai sebahagian daripada usaha memelihara akidah masyarakat. Dalam masa yang sama, Abdul Monir Yaacob (2016) menegaskan bahawa pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia berdepan cabaran bidang kuasa, warisan sistem kolonial British dan batas perundangan semasa. Keadaan ini menuntut pendekatan bersepadu dalam memelihara akidah serta kepentingan awam. Perbincangan ini menonjolkan ketegangan antara kebebasan budaya dan perlindungan akidah dalam masyarakat majmuk Malaysia.

Pemikiran Intelektual

Pemikir intelektual Islam di Malaysia turut membincangkan tahyul sebagai cabaran pemikiran umat. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1993) dalam *Islam and Secularism* menekankan bahawa kekeliruan antara ilmu sejati dan adab menyumbang kepada penerimaan kepercayaan tidak sah dengan cadangan Islamisasi pengetahuan untuk melawan sekularisasi yang membawa kekeliruan tersebut. Azhar Ibrahim (2014) dalam *Contemporary Islamic Discourse in The Malay-Indonesian World: Critical Perspectives* melihat tahyul sebagai simptom kelemahan budaya ilmu yang gagal membezakan tradisi bernilai dan unsur khurafat dalam konteks pemikiran Islam kontemporari Melayu-Indonesia. Pendekatan pemikiran ini menumpukan kepada pembinaan kesedaran kritikal sebagai penyelesaian namun masih kurang memberi perhatian kepada generasi digital.

Falsafah

Dari perspektif falsafah agama, perbincangan mengenai tahyul sering dikaitkan dengan persoalan rasionaliti dan makna. Hassan Hanafi (2000) dalam *Islam in The Modern World* berhujah bahawa kepercayaan ghaib perlu difahami melalui sudut pandang pengalaman manusia yang mencari makna dalam ketidakpastian. Beliau mencadangkan pendekatan teologi pembebasan yang mengintegrasikan rasionaliti moden dengan ideologi Islam bagi memperbaharui pemikiran umat dalam mendepani cabaran semasa. Walaupun bukan fokus utama kepada Malaysia, kerangka ini membantu menilai sebab kepercayaan tahyul terus bertahan di tengah arus rasionalisme moden. Namun, dalam ruang lingkup tempatan, pendekatan falsafah sedemikian masih kurang diterokai secara sistematik oleh sarjana Malaysia. Ini merupakan satu lagi jurang yang perlu diisi memandangkan pendekatan falsafah berpotensi memberikan kerangka pemikiran yang lebih mendalam dalam menilai hubungan antara rasionaliti, kepercayaan dan identiti keagamaan Generasi Z.

Pendidikan dan Psikologi

Beberapa kajian interdisiplin turut membincangkan tahyul dari sudut pendidikan dan psikologi. Rosnani Hashim (2017) dalam *Reclaiming the Conversation: Islamic Intellectual Tradition in Education* menegaskan bahawa sistem pendidikan yang terlalu menekankan peperiksaan kurang membina pemikiran kritikal terhadap kepercayaan tidak rasional sekali gus menekankan keperluan pemulihan tradisi intelektual Islam dalam pendidikan. Dari sudut sosiologi agama, McGuire (2002) dalam *Religion: The Social Context* berpendapat bahawa kepercayaan yang kelihatan tidak rasional mampu membantu individu menangani tekanan kehidupan moden serta memberi panduan praktikal dalam kehidupan seharian. Kajian-kajian ini membuka ruang untuk memahami tahyul bukan sahaja sebagai isu akidah tetapi juga sebagai gejala sosial dan psikologi yang berperanan sebagai mekanisme penyesuaian. Gabungan perspektif pendidikan dan psikologi ini amat relevan untuk memahami bagaimana Generasi Z yang terdedah kepada tekanan digital mencari pegangan makna melalui naratif mistik. Hal ini sekali gus menegaskan keperluan pendekatan holistik dalam menangani fenomena tersebut.

Rumusan Sorotan Literatur

Secara keseluruhan, tinjauan literatur menunjukkan bahawa perbincangan tentang tahyul dan unsur mistik di Malaysia masih bersifat terpisah mengikut disiplin. Kajian dalam bidang budaya (Norazit Selat, 1994), agama (Mohd Fauzi Hamat, 2014), perundangan (Abdul Monir Yaacob, 2016) dan pemikiran intelektual (Azhar Ibrahim, 2014) jarang disatukan dalam satu analisis yang menyeluruh. Jurang utama yang dikenal pasti ialah ketiadaan kajian yang menggabungkan secara serentak elemen tahyul dan mistik, profil Generasi Z sebagai kelompok digital dan kerangka sosio-agama Malaysia yang tersendiri. Akibatnya, dinamika kepercayaan generasi ini tidak dapat difahami secara menyeluruh dalam konteks tempatan. Kajian di luar negara seperti Indonesia lebih cenderung melihat aspek psikologi semata-mata (Gumulya & Helmi, 2016) manakala kajian di Barat pula terhad kepada trend spiritualiti tanpa agama (Lundmark, 2007; Heelas & Woodhead, 2005) yang kurang menyentuh sensitiviti akidah yang menjadi tunjang masyarakat Muslim Malaysia. Ketidadaan pendekatan yang mengintegrasikan kesemua dimensi ini menjadi titik tolak kepada kajian konseptual yang dibentangkan dalam artikel ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kepustakaan sepenuhnya, iaitu dengan meneliti dan mensintesis sumber-sumber bertulis yang berkaitan tanpa melibatkan pengumpulan data daripada responden. Pendekatan ini dipilih kerana matlamat utama kajian adalah untuk membina kerangka konseptual baharu bagi memahami fenomena tahyul dan mistik dalam kalangan Generasi Z melalui penelitian terhadap literatur yang sedia ada. Bagi memastikan sumber yang dipilih relevan dan boleh dipercayai, beberapa kriteria pemilihan telah diikuti. Dari segi tempoh masa, penerbitan antara tahun 2015 hingga 2025 diutamakan kerana ia lebih menggambarkan realiti semasa Generasi Z dan perkembangan media digital. Namun begitu, karya-karya perintis seperti Winstedt (1925) dan Mohd Taib Osman (1989) turut dirujuk bagi memahami akar sejarah budaya Melayu berkaitan tahyul, memandangkan tiada sumber lain yang lebih tepat untuk tujuan tersebut. Dari segi jenis sumber pula, keutamaan diberikan kepada artikel jurnal yang telah melalui proses semakan rakan sejawat, buku ilmiah serta

dokumen fatwa rasmi. Sumber yang tidak berindeks hanya digunakan jika ia memberikan konteks tambahan yang bermakna.

Pencarian literatur dilakukan merentasi beberapa bidang sekaligus, termasuk Pengajian Islam, Sosiologi Agama dan kajian media digital kerana fenomena tahyul tidak dapat difahami secara menyeluruh melalui satu disiplin sahaja. Pangkalan data seperti Google Scholar, MyJurnal dan portal e-jurnal Universiti Malaya digunakan bagi memastikan keseimbangan antara sumber tempatan dan antarabangsa. Semua literatur yang terkumpul kemudiannya dianalisis menggunakan pendekatan sintesis tematik. Sumber-sumber tersebut tidak diteliti secara berasingan, sebaliknya dikelompokkan mengikut tema besar seperti pengaruh media digital, prinsip akidah dan peranan pendidikan. Melalui cara ini, persamaan, perbezaan dan jurang antara kajian-kajian terdahulu dapat dikenal pasti dengan lebih jelas, sekaligus membuka jalan kepada pembentukan kerangka konseptual yang dicadangkan dalam kajian ini.

Dapatan dan Perbincangan

Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini membangunkan satu kerangka konseptual yang menghubungkan tiga elemen utama dalam pembentukan kefahaman mistik Generasi Z iaitu dinamika media digital, prinsip akidah dan peranan pendidikan. Kerangka ini beroperasi berdasarkan premis bahawa kepercayaan tahyul dalam era moden bukan lagi sekadar warisan budaya statik, sebaliknya ia adalah produk interaksi dinamik antara kandungan tular di media sosial dan tahap literasi agama individu. Dalam model ini, media digital bertindak sebagai pemboleh ubah bebas yang menyebarkan naratif mistik. Pemahaman akidah dan pendidikan pula berfungsi sebagai pemboleh ubah penyaring yang menentukan sama ada individu menerima naratif tersebut sebagai hiburan semata-mata atau mempercayainya sebagai kebenaran mutlak. Interaksi antara elemen-elemen ini akhirnya membentuk persepsi dan tingkah laku keagamaan Generasi Z dalam menangani kejadian ghaib.


Dalam menganalisis literatur yang terkumpul, kajian ini bersandarkan kepada tiga teori utama sebagai panduan. Teori *ontological security* oleh Giddens (1991) digunakan untuk memahami mengapa Generasi Z masih cenderung kepada kepercayaan mistik walaupun mereka dibesarkan dalam persekitaran yang rasional. Ini kerana manusia secara semula jadi mencari pegangan dan kepastian dalam dunia yang tidak menentu. Konsep *lived religion* oleh McGuire (2002) pula membantu menjelaskan bagaimana kepercayaan mistik tidak semestinya diamalkan secara formal, tetapi diserap secara halus dalam kehidupan harian melalui media sosial dan budaya popular. Sementara itu, teori pembentukan makna oleh Park (2010) melengkapkan analisis dengan menjelaskan kecenderungan individu mencari naratif alternatif apabila berhadapan dengan tekanan dan ketidakpastian. Ketiga-tiga teori ini berfungsi sebagai cermin analisis dalam menilai setiap tema yang dibincangkan.

Pengaruh Media Digital dan Budaya Popular terhadap Kepercayaan Tahyul

Media sosial seperti TikTok dan Instagram memainkan peranan utama dalam membentuk kepercayaan tahyul Generasi Z. Berbeza dengan penyebaran tradisional yang terhad secara geografi, media digital membolehkan kandungan mistik merentas sempadan melalui mekanisme tular dan bias pengesahan. Kajian oleh Pew Research Center (2019) menunjukkan peningkatan pergantungan golongan belia terhadap media sosial dengan 32% remaja

mengakses platform ini secara berterusan. Pola ini meningkatkan pendedahan kepada kandungan yang bersifat luar biasa. Di Malaysia, penggunaan aplikasi astrologi dan podcast bertema ghaib semakin popular dalam kalangan anak muda, seolah-olah unsur mistik telah menjadi sebahagian daripada gaya hidup digital mereka. Hal ini selari dengan pandangan Hoffstaedter (2011) bahawa pendigitalan telah menjadikan mistik sebagai perbincangan awam yang mudah diakses. Melalui konsep *lived religion* yang dikemukakan McGuire (2002), dapat difahami bahawa amalan mistik kini diserap secara halus dalam kehidupan harian melalui hiburan digital, tanpa disedari oleh individu itu sendiri. Dari perspektif akidah pula, Mohd Fauzi Hamat (2014) mengingatkan bahawa pendedahan kepada kandungan media yang berunsur mistik, walaupun dalam bentuk hiburan, mampu memberi kesan secara tidak langsung kepada keimanan seseorang. Hal ini diperkukuh oleh Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2020) yang menegaskan bahawa kandungan khurafat di media sosial sering dibungkus sebagai hiburan atau motivasi spiritual, sekali gus menyukarkan pengguna untuk membezakan antara hiburan semata-mata dengan ancaman sebenar terhadap akidah.

Aliran pengaruh ini digambarkan seperti dalam Rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Dinamika Ekosistem Digital (Fasa Masalah)

Selain itu, cara media sosial berfungsi melalui sistem algoritma cenderung memihak kepada kandungan yang bersifat mengejutkan dan menimbulkan ketakutan. Keadaan ini mewujudkan kelompok maklumat tertutup (echo chamber) sehingga kepercayaan tahyul secara beransur-ansur dinormalisasikan dalam ruang digital. Fenomena ini boleh dihuraikan melalui Teori Pembentukan Makna oleh Park (2010) yang menjelaskan kecenderungan individu mencari naratif alternatif bagi mengurangkan kebimbangan dalam situasi yang tidak menentu. Dalam kalangan Generasi Z, kandungan mistik di media sosial berfungsi bukan sahaja sebagai hiburan tetapi juga sebagai mekanisme daya tindak untuk memberikan makna terhadap kekosongan spiritual.

Nik Jaffar et al. (2021) menegaskan bahawa ciri interaktif media menggabungkan elemen agama dan hiburan, namun kekurangan literasi media berpotensi mengukuhkan kepercayaan tahyul (Zulkefli Aini et al., 2018). Penemuan ini membuktikan bahawa dalam ekosistem digital, elemen mistik tidak lagi dianggap sebagai amalan kuno, sebaliknya dijenamakan semula sebagai kandungan hiburan yang estetik. Dari perspektif akidah, Mohd Fauzi Hamat (2014) mengingatkan bahawa pendedahan kepada kandungan sedemikian, walaupun dalam bentuk hiburan, mampu memberi kesan secara tidak langsung kepada keimanan seseorang. Hal ini

diperkukuh oleh Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2020) yang menegaskan bahawa kandungan khurafat di media sosial sering dibungkus sebagai hiburan atau motivasi spiritual, sekali gus menyukarkan Generasi Z untuk membezakan antara hiburan semata-mata dengan ancaman sebenar terhadap akidah.

Pertembungan Akidah, Rasionaliti dan Perundangan

Wujud konflik dalaman dalam kalangan Generasi Z apabila berhadapan dengan kandungan mistik di media digital. Walaupun generasi ini sering dikaitkan dengan pemikiran rasional berasaskan fakta dan sains, rasionaliti tersebut didapati mudah terjejas apabila emosi ketakutan dimanipulasi melalui kandungan visual seperti video seram dan naratif ghaib yang bersifat sensasi. Keadaan ini menunjukkan bahawa rasionaliti moden tidak semestinya menyingkirkan kepercayaan terhadap unsur ghaib secara menyeluruh. Fenomena ini selari dengan tesis desekularisasi yang dikemukakan oleh Peter Berger (1999), yang berhujah bahawa kemodenan tidak menghapuskan agama atau kepercayaan ghaib. Sebaliknya, kepercayaan tersebut cenderung menjelma semula dalam bentuk baharu yang disesuaikan dengan konteks sosial moden. Dalam konteks ini, Generasi Z tidak menolak agama secara total tetapi mengalami satu bentuk sinkretisme pasca-moden. Sinkretisme ini memperlihatkan bagaimana elemen mistik tradisional disesuaikan ke dalam gaya hidup digital kontemporari. Dari sudut analisis sosial, penyesuaian ini mencerminkan usaha generasi muda membentuk identiti keagamaan mereka dalam persekitaran digital yang kompleks. Namun, dari perspektif akidah Islam, fenomena ini menimbulkan cabaran yang signifikan. Kepercayaan tahyul dilihat bertentangan dengan prinsip Tauhid kerana ia mendorong kebergantungan kepada unsur selain Allah, lalu diklasifikasikan sebagai bid'ah atau syirik kecil. Cabaran ini menjadi lebih rumit apabila elemen mistik dipersembahkan dengan penggunaan istilah dan simbol keagamaan, sekali gus mengaburkan sempadan antara ajaran Islam yang sahih dan kepercayaan khurafat (Azhar Ibrahim, 2014).

Sebagai mekanisme kawalan luaran, institusi perundangan dan autoriti agama memainkan peranan penting dalam memelihara kesucian akidah masyarakat. Fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM, 1993) mengklasifikasikan amalan sihir sebagai kesalahan serius, manakala keputusan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI, 2016) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS, 2016) secara jelas melarang penggunaan azimat dan tangkal. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan perundangan didapati lebih berkesan dalam menyekat amalan secara fizikal seperti di pusat rawatan tradisional berbanding mengawal penyebaran kandungan mistik di alam maya. Justeru, kawalan perundangan semata-mata tidak mencukupi dalam mendepani cabaran mistik digital. Penguatkuasaan undang-undang perlu disokong oleh kefahaman akidah yang kukuh serta pemikiran rasional yang matang bagi membina imuniti dalaman dalam kalangan Generasi Z. Pendekatan bersepadu ini penting bagi memastikan pengaruh kandungan khurafat dapat ditangkis secara berkesan dalam era digital yang semakin kompleks.

Pendidikan dan Pemikiran Kritis sebagai Jalan Penyelesaian

Tema pendidikan menjadi kunci utama dalam menangani pengaruh globalisasi yang membawa pelbagai kepercayaan asing mengenai alam mistik. Woodward (1989) menunjukkan bahawa perubahan sosial moden boleh mendorong pencarian bentuk kerohanian yang lebih fleksibel dalam kalangan generasi muda. Sekiranya ruang ini tidak diisi dengan solusi agama yang tuntas, individu akan lebih mudah terjebak dengan amalan tahyul seperti ramalan nasib dan penggunaan pelaris. Oleh itu, pendekatan pendidikan agama perlu selari dengan perkembangan

semasa. Pendidikan tidak lagi boleh disampaikan secara sehalu, sebaliknya perlu menekankan aspek pemikiran kritis. Golongan muda lebih cenderung menerima penjelasan yang rasional dan mudah difahami mengenai larangan terhadap amalan tahyul, terutama apabila disokong oleh kesedaran pendidikan Islam yang mantap (Salamun et al., 2025). Othman et al. (2021) turut menekankan keperluan penyelarasan pendidikan agama dengan realiti digital bagi membentuk jati diri remaja Muslim yang lebih kuat. Langkah-langkah pendidikan ini diringkaskan dalam Rajah 2 di bawah bagi menunjukkan bagaimana pemikiran kritis dapat menepis pengaruh tahyul:



Rajah 2: Mekanisme Penyelesaian (Fasa Solusi)

Secara keseluruhannya, analisis ini merumuskan bahawa pembentukan naratif tahyul adalah hasil interaksi kompleks antara tekanan luar (media dan globalisasi) dan kekuatan dalaman (akidah dan rasionaliti). Pendidikan berfungsi sebagai pemboleh ubah penentu sama ada individu hanyut dalam arus viral atau kekal teguh dengan jati diri Islam yang sebenar.

Limitasi dan Kajian Lanjutan

Walaupun kajian ini mengemukakan analisis konseptual yang menyeluruh, beberapa kekangan perlu diakui. Ketiadaan data empirikal primer menyebabkan dapatan ini bersifat interpretatif dan teoritikal semata-mata. Justeru, kerangka ini berfungsi sebagai model awal dan tidak boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi Generasi Z tanpa pengujian lanjut di lapangan. Bagi memantapkan dapatan pada masa hadapan, kajian lanjutan disarankan untuk menguji kerangka ini secara empirikal melalui beberapa pendekatan utama:

- Pendekatan Kualitatif dan Kuantitatif: Kajian kualitatif melalui temu bual mendalam atau perbincangan kumpulan fokus (FGD) amat diperlukan untuk menyelami pengalaman sebenar dan motivasi dalaman Generasi Z ketika berinteraksi dengan kandungan mistik. Secara serentak, kajian kuantitatif melalui edaran soal selidik wajar dijalankan bagi mengukur tahap hubungan antara kekerapan pendedahan algoritma media sosial dengan tahap penerimaan terhadap kepercayaan tahyul.

- Analisis Perbandingan Antara Generasi: Kajian akan datang dicadangkan untuk melakukan perbandingan antara Generasi Z dengan generasi terdahulu (seperti Generasi X atau Milenial). Perbandingan ini penting bagi mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan ketara dalam cara kepercayaan tahyul ini diterima sama ada melalui pengaruh tradisi lisan atau pengaruh algoritma digital.
- Konteks Geografi (Bandar dan Luar Bandar): Penyelidikan perbandingan antara lokasi bandar dengan luar bandar juga perlu dilaksanakan. Langkah ini bertujuan untuk melihat sejauh mana faktor persekitaran dan akses kepada teknologi mempengaruhi anjakan kepercayaan mistik dalam kalangan penduduk muda di Malaysia.

Penutup

Kajian ini merumuskan bahawa fenomena tahyul dalam kalangan Generasi Z bukan sekadar isu kekurangan ilmu agama, sebaliknya merupakan hasil interaksi kompleks dalam ekosistem digital. Secara normatif (sudut hukum), agama Islam telah memberikan garis panduan yang jelas melalui fatwa dan prinsip akidah untuk menolak sebarang bentuk khurafat. Namun, secara sosiologi (realiti sosial), pengaruh algoritma media sosial serta keperluan emosi untuk mencari kepastian dalam dunia yang mencabar telah menyebabkan kepercayaan ini kembali diamalkan dalam bentuk yang lebih moden.

Keseimbangan antara penguatkuasaan undang-undang dengan pendidikan jiwa amat diperlukan. Pihak berkuasa agama seperti JAKIM dan MAIS perlu memperluaskan skop pemantauan mereka ke alam siber bagi menangani penyebaran kandungan mistik yang menyesatkan. Pada masa yang sama, institusi pendidikan harus memainkan peranan dalam melahirkan generasi yang kuat akidahnya. Mereka juga perlu bijak menilai maklumat yang diterima melalui media sosial. Program literasi media berasaskan wahyu wajar diperkenalkan untuk mendidik remaja supaya mampu membezakan antara hiburan digital dengan tuntutan akidah yang sebenar. Usaha bersepadu ini penting bagi memastikan jati diri Muslim Generasi Z kekal terpelihara daripada ancaman tahyul digital yang semakin rencam.

-
- Penghargaan:** Penghargaan dirakamkan kepada pihak UMCCED, rakan-rakan dan semua pihak yang telah memberikan sumbangan idea dan sokongan sepanjang proses penulisan ini dijalankan. Semoga hasil kajian ini memberi manfaat kepada kelompok akademik serta menyumbang ke arah pemantapan akidah penduduk Muslim di Malaysia
- Penyataan Pembiayaan:** Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan.
- Pernyataan Konflik Kepentingan:** Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC).
- Pernyataan Etika:** Kajian ini tidak melibatkan data sensitif yang memerlukan kelulusan etika. Penulis mengesahkan bahawa penyelidikan ini telah dijalankan selaras dengan prinsip integriti akademik dan piawaian etika penerbitan yang diterima umum.
- Pernyataan Sumbangan Penulis:** Penulis telah menyumbang secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Penulis bertanggungjawab terhadap pengkonsep, metodologi, pengumpulan data, analisis serta tafsiran dapatan kajian dan penyeliaan keseluruhan kajian. Penulis juga menyumbang kepada sorotan literatur dan semakan kritikal manuskrip. Akhirnya, penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip sebelum penyerahan.
-

Rujukan

- Abdul Monir Yaacob. (2016). *Perkembangan pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*. Universiti Islam Malaysia.
- Abdul Rahman Embong. (2000). *Negara-bangsa: Proses dan perbahasan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ghazali, A. H. (2005). *Iḥyā' 'ulūm al-dīn*. Dar Ibn Hazm.
- Azhar Ibrahim. (2014). *Contemporary Islamic discourse in the Malay-Indonesian world: Critical perspectives*. Strategic Information and Research Development Centre.
- Berger, P. L. (Ed.). (1999). *The desecularization of the world: Resurgent religion and world politics*. Wm. B. Eerdmans Publishing.
- Giddens, A. (1991). *Modernity and self-identity: Self and society in the late modern age*. Stanford University Press.
- Gumulya, D., & Helmi, A. F. (2016). Fenomena superstisi pada mahasiswa. *Buletin Psikologi*, 24(1), 17–29.
- Hanafī, H. (2000). *Islam in the modern world: Religion, ideology, and development*. Anglo-Egyptian Bookshop.
- Heelas, P., & Woodhead, L. (2005). *The spiritual revolution: Why religion is giving way to spirituality*. Blackwell Publishing.
- Hoffstaedter, G. (2011). *Modern Muslim identities: Negotiating tradition and modernity*. Routledge.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (1993). *Kompilasi pandangan hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia*. Bahagian Pengurusan Fatwa.
- Lundmark, V. (2007). Individual superstitions. In E. M. Dowling & W. G. Scarlett (Eds.), *Encyclopedia of religious and spiritual development*. Sage Publications.
- Majlis Agama Islam Selangor. (2016). *Fatwa amalan penggunaan tangkal dan azimat di Negeri Selangor*.
- Manap, J., Hamjah, S. H., Idris, F., Kasim, A. C., & Idrus, R. (2021). Lifestyle and spiritual practices of Generation Z. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(6), 909–923. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i6/10222>
- McGuire, M. B. (2002). *Religion: The social context* (5th ed.). Wadsworth/Thomson Learning.
- Mohd Fauzi Hamat. (2014). *Pemikiran akidah Islam di Malaysia: Isu dan cabaran*. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Taib Osman. (1989). *Bunga rampai: Aspects of Malay culture*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad bin Abdul Wahhab. (2006). *Kitab al-tauhid: Mengulas hak-hak Allah ke atas hamba-Nya* (S. S. Al-Mubarakpuri, Trans.). Darussalam Publishers.
- Nasr, S. H. (2007). *Islamic spirituality: Foundations*. Routledge.
- Norzait Selat. (1994). Animisme. In *Ensiklopedia sejarah dan kebudayaan Melayu* (Jilid 1). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Jaafar, N. R., et al. (2021). Are Malaysian youths overdependent on the internet? A narrative review. *Frontiers in Psychiatry*, 12, Article 710790. <https://doi.org/10.3389/fpsyt.2021.710790>
- Othman, Z., Ismail, N., & Rahman, A. (2021). A review of religious education in Malaysia and Thailand. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(10), 123–135.

- Park, C. L. (2010). Making sense of the meaning literature: An integrative review of meaning making and its effects on adjustment to stressful life events. *Psychological Bulletin*, 136(2), 257–301. <https://doi.org/10.1037/a0018301>
- Pew Research Center. (2019, January 17). Generation Z looks a lot like millennials on key social and political issues. <https://www.pewresearch.org/social-trends/2019/01/17/generation-z-looks-a-lot-like-millennials-on-key-social-and-political-issues/>
- Rosnani Hashim. (2017). Reclaiming the conversation: Islamic intellectual tradition in education. Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Saat, N., & Putra, D. (2021). Islam, authority and the internet in Southeast Asia. ISEAS–Yusof Ishak Institute.
- Salamun, H., Engku Wok Zin, E. I., Abd Kadir, K., Mohammad, M., Syed Omar, S. M. H., & Arifin, M. R. (2025). Religious practice and rejection of superstitious traditions among Muslims in Terengganu: An evaluation of Islamic educational awareness. *Revista on Line de Política e Gestão Educacional*, 29(special issue 3), e025079.
- Shamsul, A. B. (Ed.). (2007). Modul hubungan etnik. Pusat Penerbitan Universiti Teknologi MARA.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1993). Islam and secularism. International Institute of Islamic Thought and Civilization.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2013). Budaya ilmu: Makna dan manifestasi dalam sejarah dan masa kini. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Winstedt, R. O. (1925). *The Malay magician: Being Shaman, Saiva and Sufi*. Routledge & Kegan Paul.
- Woodward, M. R. (1989). *Islam in Java: Normative piety and mysticism in the Sultanate of Yogyakarta*. University of Arizona Press.
- Zulkefli Aini, Ahmad Irdha Mokhtar, & Nur Uswah Ahmad Fauzi. (2018). Topik-topik komunikasi dakwah dalam mesej akidah kepada masyarakat Orang Asli di Selangor. *Jurnal Sains Insani*, 3(2), 15–21. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol3no2.56>
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2020). Maqasid syariah dalam menghadapi cabaran media baharu. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.